

SIMPLYSITISasar jualan naik
40 peratus **Ms.22****BH** **BISNES**

Umum segera CEO TM

→ Elak tanggapan campur tangan luar tentukan hala tuju

Oleh **Che Wan Badrul Alias**
chewan@bh.com.my

Pengumuman nama individu yang akan menerajui Telekom Malaysia Bhd (TM), wajar disegerakan kerana ia adalah syarikat senarai awam dan langkah berkenaan dapat meningkatkan semula keyakinan pelabur.

Ia juga dapat menangkis tanggapan campur tangan luar dalam menentukan hala tuju gergasi telekomunikasi negara itu.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata susulan penangguhan pengumuman CEO sejak Jun tahun lalu itu, TM berdepan kesan negatif apabila nilai saham TM jatuh hampir separuh sejak pilihan raya umum lalu.

Katanya, prestasi itu menunjukkan sentimen keyakinan pelabur walaupun dari segi operasi ternyata TM berjaya menunjukkan keuntungan yang memberangsangkan pada suku

tahun pertama 2019 dengan mencatatkan keuntungan sebanyak RM308 juta.

“Adalah penting untuk TM mengumumkan nama CEO yang baharu dengan segera bagi memulihkan keyakinan pelabur terhadap organisasi dan meneruskan penyusunan operasi, sekali gus mengekalkan keuntungan diperoleh.

Telus buat keputusan, laporan

“Tadbir urus korporat perlu dikukuhkan dengan mengamalkan ketelusan dalam pembuatan keputusan dan laporan. TM tidak seharusnya membiarkan pihak tidak berkepentingan mencampuri urusan dalaman syarikat,” katanya ketika dihubungi *BH* di Kuala Lumpur, semalam.

Kerusi peneraju gergasi telekomunikasi negara itu kosong sejak Datuk Seri Mohammed Shazalli Ramly melepaskan jawatan Pengarah Urusan dan CEO Kumpulan berkuat kuasa 6 Jun tahun lalu yang kemudian dipangku Datuk Bazlan Osman dan kini Imri Mokhtar.

Sebaliknya jawatan Pengerusi TM, antara paling awal diumumkan, menerusi pelantikan Rosli Man berkuat kuasa 3 Disember lalu, menggantikan Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob yang meletakkan jawatan berkuat kuasa 30 November 2018.

Kelmarin, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengesahkan CEO TM sudah pun dikenal pasti, namun enggan mendedahkan individu terbabit dan sebaliknya memaklumkan individu itu bukan Imri yang kini memangku jawatan itu.

Beberapa nama disebut

Bursa Malaysia akan dibuka semula hari ini selepas ditutup dua hari sempena cuti umum Aidilfitri dan ramai pelabur menantikan pengumuman mengenai perkata itu daripada TM.

Terdapat beberapa nama yang disebut-sebut telah dipanggil untuk ‘temu duga’ oleh pengurusan TM beberapa bulan lalu untuk jawatan itu iaitu Datuk Noor Kamarul Anuar Nuruddin; Burhanuddin Yusof dan Dr Farid Mohamad Sani.

Datuk Noor Kamarul Anuar Nuruddin dilihat sebagai calon paling berpotensi berdasarkan latar belakang pro-

fesional yang luas dalam industri dengan pengalaman 34 tahun dalam pengurusan rangkaian telekomunikasi dan perkhidmatan Malaysia serta Indonesia.

Turut pernah menjadi tumpuan lensa media sewaktu menjawat jawatan sebagai Ketua Pegawai Teknologi Celcom (Malaysia) Bhd dan Ketua Pegawai Projek Khas Celcom Axiata Bhd memabatkan projek utama ‘convergence fix mobile’.



Noor Kamarul Anuar Nuruddin



Adalah penting untuk TM mengumumkan nama CEO yang baharu dengan segera bagi memulihkan keyakinan pelabur ke atas organisasi dan meneruskan penyusunan operasi, sekali gus mengekalkan keuntungan yang diperoleh”

Ahmed Razman Abdul Latiff,
Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School